

# UMS Labuan terima 625 pelajar baharu untuk Sesi 2018/2019

31.8.2018 NST 7


OLEH JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Seramai 625 pelajar baharu telah mengesahkan untuk melanjutkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi sesi pengambilan akademik 2018/2019.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata daripada jumlah itu, 508 orang pelajar akan mengikuti pembelajaran di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala 117 pelajar lagi di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

"UMS Labuan masih menunggu jawapan beberapa orang lagi pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka pada sesi kali ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Minggu Suai Mesra (MSM) di Bilik Seminar Kiamsam, Rabu lalu.



**MEMPENGERUSIKAN.....** Dr Murnizam (dua dari kanan) mempengerusikan mesyuarat Minggu Suai Mesra UMSKAL, Rabu lalu.

Turut hadir Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Nur Iman Reedzal.

Dr Murnizam berkata Ahli Jawatankuasa Minggu Suai Mesra

(MSM) dan Pembimbing Suai Mesra (PSM) sudah bersedia sepenuhnya untuk menerima kehadiran pelajar baharu pada tahun ini.

Katanya, pelajar baharu itu akan

mendaftar pada 3 dan 4 September ini sebelum mengikuti pelbagai program sempena MSM 2018/2019.

Antara program itu ialah Majlis Ikrar dan Aku Janji, Majlis Amanat Pengarah UMSKAL dan Majlis Malam Bakat.

"Pelajar baharu juga akan mengikuti taklimat berkaitan pengurusan dan pentadbiran di UMS Labuan,"katanya.

Dr Murnizam bagi pihak Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu dari Sabah, Sarawak, Semenanjung serta pelajar tempatan dari Labuan ke UMS Labuan dan Wilayah Persekutuan Labuan pada sesi kali ini.

"Kehadiran ibu bapa yang akan menghantar anak mereka pasti akan membantu menjana ekonomi dan merencanakan lagi industri pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan,"katanya.